

13/09/2003

Dana RM1.1b jana industri pelancongan

KERAJAAN memperuntukkan RM215 juta bagi mempromosi industri pelancongan dengan tumpuan kepada pasaran China, Taiwan, Hong Kong, India dan negara Asean.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, promosi juga akan dilipat gandakan di pasaran Asia Barat serta pasaran baru yang berpotensi seperti Pakistan, Indonesia, China dan New Zealand.

Selain itu, kerajaan berusaha meningkatkan promosi pelancongan yang lebih berkesan bersama Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia serta agensi swasta.

Untuk itu, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) akan disusun semula supaya program pemasaran dan komunikasi dapat dilaksanakan lebih teratur.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga menyediakan dana RM1.1 bilion, iaitu RM400 juta di bawah Tabung Khas Pelancongan dan RM700 juta di bawah Tabung Infrastruktur Pelancongan yang diuruskan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).

"Kerajaan akan terus memberi Galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan kali kedua bagi menggalakkan pengusaha industri pelancongan untuk melaksanakan program pembesaran dan pengubahsuaian hotel," katanya.

Beliau meminta semua pengusaha hotel bergabung dan mewujudkan pusat maklumat pelancongan di pintu masuk negara, termasuk lapangan terbang serta stesen kereta api utama bagi membolehkan pelancong menempah bilik hotel, selain menyediakan kemudahan tempahan online.

"Kerajaan akan membangunkan portal bagi tujuan ini dan akses kepada portal ini akan disediakan di lapangan terbang, stesen kereta api dan perhentian bas utama di seluruh negara," katanya.

Bagi mengatasi masalah pengusaha yang terjejas akibat wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS, Dr Mahathir berkata kerajaan melaksanakan Pakej Strategi Baru termasuk menanggungkan pembayaran ansuran cukai pendapatan agensi pelancongan, memberi diskaun elektrik kepada pengusaha hotel dan menyediakan Special Relief Guarantee Facility bagi mengurangkan beban kewangan peminjam.